

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 06 DISEMBER 2024

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.

2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif

Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek

Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang

3. Sila jawab:

Bahagian A : Semua Soalan

Bahagian B : 7 Soalan sahaja

Bahagian C : 2 Soalan sahaja

4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.

5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.

6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

******* SEMOGA BERJAYA *******

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi tiga puluh (30) soalan. Calon adalah **dikehendaki menjawab semua soalan**. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Apakah kaedah-kaedah pengiklanan jawatan kosong yang boleh dipohonkan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam oleh orang ramai dan warga perkhidmatan awam yang sedang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.
 - a. Bab 7 (b), Bab 37 (a), Bab 38 (c)
 - b. Bab 7 (a), Bab 38 (a), Bab 38 (b)
 - c. Bab 7 (a), Bab 37 (a), Bab 38 (a)
 - d. Bab 7 (b), Bab 8 (a), Bab 38 (c)
- 2) Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) dikuatkuasakan pada 1 Januari 1962 bertujuan untuk:
 - a. Menguruskan urustadbir dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - b. Mengawal urusan lantikan, termasuk Lantikan Gaji Hari dan Tindakan Tatatertib
 - c. Mengawal urusan bagi Pengisian Kekosongan Jawatan Tetap, Gaji Hari dan Kontrak
 - d. Mengawal hal ehwal lantikan dan kenaikan pangkat bagi Perkhidmatan Tetap dan Perkhidmatan Sementara, kecuali lantikan gaji hari
- 3) Pembentukan sebuah Perkhidmatan Awam berintegriti merupakan salah satu tanggungjawab dan amanah besar yang perlu dilaksanakan, dimana setiap warga perkhidmatan akan bertanggungjawab mematuhi peraturan berkaitan tatakelakuan dan tatatertib. Nyatakan Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan berjawatan tetap:
 - a. Ketua Jabatan
 - b. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
 - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- 4) Waktu pejabat di Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong dimana hari Jumaat dan Ahad merupakan Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Rehat Mingguan, tempoh waktu bekerja sehari dan seminggu minimum yang mesti dipatuhi adalah:
 - a. Minimum 8 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 38 ½ Jam
 - b. Minimum 7 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 37 ½ jam
 - c. Minimum 7 ¼ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 37 ¼ Jam
 - d. Minimum 7 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 38 ½ Jam

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO)
Disember 2024**

- 5) Salah satu peraturan yang wajib dipatuhi oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatan ialah Bab 5, Akta Rahsia Rasmi (Penggal 153). Sebarang pelanggaran dan kegagalan mematuhi peraturan ini, maka seseorang itu boleh disabitkan kesalahan dan boleh dijatuhkan hukuman, iaitu ;
- Penjara tidak lebih dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak kurang dua (2) tahun dan denda tidak kurang daripada \$10,000
 - Penjara tidak kurang tiga (3) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak lebih tiga (3) tahun dan denda tidak kurang daripada \$20,000
- 6) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) berkuatkuasa pada 1 Januari 1962, adalah untuk:
- Mengawal urusan bagi Pengisian Kekosongan Jawatan Tetap, Gaji Hari dan Kontrak
 - Mengawal urusan lantikan, termasuk Lantikan Gaji Hari dan Tindakan Tatatertib
 - Mengawal hal ehwal lantikan dan kenaikan pangkat bagi Perkhidmatan Tetap dan Perkhidmatan Sementara, kecuali lantikan gaji hari
 - Bertanggungjawab untuk menguruskan semua Urusan Pengambilan Jawatan untuk memenuhi fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- 7) Lantikan seorang pegawai yang baru sahaja diambil bekerja ke Perkhidmatan Awam biasanya akan dikira dari hari ianya menjawat jawatan dan dia hendaklah mendapat gaji dari tarikh itu menurut peruntukan 21, dibawah Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (General Order). Sila nyatakan berdasarkan Bab 22, bilakah tarikh Kenaikan Gaji bagi pegawai dalam Bahagian I dan II tersebut:
- Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai yang dilantik dalam percubaan telah berjaya
 - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh permulaan pegawai dilantik
 - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai dilantik ke satu jawatan dalam percubaan tiga (3) tahun
 - Tarikh kenaikan gaji jatuh pada tarikh hari pertama dalam tahun berikutnya.
- 8) Nyatakan jawatan-jawatan yang tidak boleh dipangku, kecuali pegawai yang dilantik memangku telah lulus Peperiksaan Perintah-Perintah Am, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan:
- Pegawai Penaksir Tanah Kanan, Pegawai Projek, Pegawai Pendidikan Pakar
 - Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Pegawai Audit, Pegawai Kewangan
 - Pengarah Kesihatan, Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa,
 - Pegawai Kakitangan Kanan, Pegawai Perubatan Gred I, Pegawai Kajicuaca

- 9) Pengemaskinian kepada Sistem Penilaian Prestasi Baru melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 3/2019, mempunyai lima (5) fasa penilaian mengikut kitaran sistem penilaian prestasi. Sebutkan salah satu fasa tersebut :
- Penilaian prestasi secara keseluruhan akan diberikan gred penilaian pada bulan Ogos
 - Perancangan kerja/huraian tugas/sasaran objektif dan perakuan prestasi hendaklah dijalankan pada bulan September
 - Pemantauan pertama pencapaian hasil (results) pada bulan Mac
 - Pemantauan kedua pencapaian hasil (results) pada bulan Jun
- 10) Jumlah waktu bekerja minimum seminggu bagi warga perkhidmatan awam di Kementerian dan Jabatan Kerajaan mulai 2hb Januari 2025, ialah ;
- 35 ¼ jam
 - 35 ½ jam
 - 37 ¼ jam
 - 37 ½ jam
- 11) Awang Missey bin Undurdona adalah Pegawai Diplomatik, B.2 EB.3 (Bahagian II) yang bertugas secara gaji hari di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Pegawai telah dilaporkan tidak hadir bertugas secara berselang-seli dalam tahun 2003 iaitu pada tarikh 12 Julai 2003 hingga 25 Julai 2003 dan 1 September 2003 hingga 11 November 2003. Siapakah Pengguna Tatatertib bagi menangani kes ini?
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Ketua Jabatan
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- 12) Setiap tahun Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA). Apakah tema Sambutan HPA kali ke-31, 2024 ?
- Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara
 - Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara
 - Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara
 - Transformasi Akauntabiliti dan Ketelusan Perkhidmatan Awam dalam Pentadbiran Negara
- 13) Warga Perkhidmatan Awam terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang memenuhi syarat-syarat lantikan dan taraf kelamin amnya adalah berkelayakan untuk mendapatkan kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, kecuali:
- Pegawai lelaki dan perempuan dalam Bahagian III dan IV dalam jawatan percubaan dan berkontrak
 - Pegawai lelaki dalam Bahagian I, II, II dan IV dalam jawatan Tetap dan Berpencen
 - Pegawai dalam Bahagian V dalam Perkhidmatan Tetap dan mempunyai tanggungan keluarga
 - Pegawai wanita dalam Bahagian II dan III yang mempunyai suami bekerja di sektor swasta dan mempunyai tanggungan ayah ibu

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO)
Disember 2024**

- 14) Dayang Arsenaliah binti Che Mansiti, Penyelia Pejabat, di Jabatan Ukur telah diberi peruntukan kemudahan flat perumahan kerajaan sejak 15 Mei 2023. Pada 7 April 2024 semasa lawatan kerja oleh Sub-Unit Teknikal Perumahan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah didapati beliau dengan perbelanjaan sendiri melakukan kerja-kerja penambahan kepada ruang tamu untuk dijadikan bilik tidur tambahan. Sila nyatakan tindakan yang boleh diambil :
- Kos bagi kerja penambahbaikan boleh dituntut melalui jabatan
 - Disarankan mengisi borang teknikal untuk kebenaran ABCi
 - Dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi pemeriksaan struktur bangunan
 - Peruntukan perumahan dibatalkan dan ditarik balik
- 15) Penyerapan Perkhidmatan 'Open Vote' dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap khusus bagi kakitangan dalam Bahagian IV dan V adalah mengikut:
- Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil 9/2020
 - Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 8/2021
 - Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 7/2023
 - Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil 8/2021
- 16) Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam, termasuk yang tidak dijemput, adalah dimestikan berada dalam negeri bagi sama-sama mengambil bahagian dan memeriahkan Majlis-Majlis Rasmi Negara seperti yang terkandung di Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, iaitu:
- Surat Keliling JPM Bil: 01/ 1993 dan dikuatkuasakan: 21 Julai 1993
 - Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1996 dan dikuatkuasakan: 22 Mac 1996
 - Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1999 dan dikuatkuasakan: 22 Julai 1999
 - Surat Keliling JPM Bil: 01/ 1998 dan dikuatkuasakan: 11 Oktober 1998
- 17) Apakah definisi Audit Dalaman dalam konteks penubuhan Jawatankuasa dan Unit Audit Dalaman di Kementerian berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2022.
- Penilaian bebas yang dilaksanakan dalam organisasi bagi mengukur dan menilai kawalan dalam Kementerian / Jabatan dibawahnya
 - Penilaian rahsia untuk memantau hal ehwal kewangan jabatan dan sistem kawalan dalamannya
 - Penilaian untuk memantau keberkesanan pengurusan dan pentadbiran jabatan
 - Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan untuk mengukur kestabilan prestasi Kementerian/Jabatan
- 18) Kelayakan cuti tahunan tidak akan diberikan kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ketika didalam keadaan-keadaan berikut, kecuali:
- Pegawai dan Kakitangan Cuti menunaikan Fardhu Haji
 - Menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri
 - Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas diluar negeri
 - Pegawai dan Kakitangan mencapai tempoh 12 bulan perkhidmatan

- 19) Pada Mei 1997, Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyediaan Tekad Pemedulian Orang Ramai atau TPOR diperingkat Kementerian dan Jabatan. Terdapat enam (6) proses utama yang merupakan komponen penting dalam pelaksanaan TPOR. Sila nyatakan 4 proses sahaja yang berkaitan.
- KPI Organisasi, prosedur, penambabaikan proses, dan kajicuba
 - Pemantauan, kajian aduan, pengemaskinian perkhidmatan dan organisasi
 - Jawatankuasa, penggubalan, promosi dan pemantauan
 - Notifikasi, piawaian, kajicuba dan auditing dasar
- 20) Pemberian bonus mengikut gred prestasi adalah bertujuan memotivasi kakitangan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan daripada peranan mereka untuk menggalakkan pencapaian matlamat dan prestasi yang cemerlang di tempat kerja. Dalam kedudukan berikut pemberian bonus tahunan tidak akan diberikan, kecuali:
- Amaran secara bertulis buat kali pertama dibawah Bab 53 Penggal B
 - Tidak lulus dalam pengajian Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)
 - Cuti Beranak diambil selama 105 hari
 - Prestasi ditahap "Memerlukan Pembelaan"
- 21) Dalam Faedah-Faedah Perkhidmatan termasuk pemberian Cuti Khas yang boleh dipohon kakitangan awam pada bila-bila masa sepanjang setahun khususnya kepada pegawai yang meneman suami / isteri bertugas di luar negeri. Sebutkan agensi kerajaan yang dipertimbangkan untuk pemberian cuti tersebut:
- Agensi Pekerjaan Brunei
 - Agensi Pelaburan Brunei
 - Kementerian Pembangunan
 - Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- 22) Pegawai/Kakitangan yang memohon Cuti Sakit disahkan sendiri (CSDS) berkenaan boleh mengambil kelayakan tempoh cuti berikut, iaitu:
- Tidak boleh melebihi tempoh 7 hari dalam satu (1) tahun
 - Tidak boleh melebihi tempoh 3 hari berturut-turut
 - Tidak boleh melebihi tempoh 6 hari dalam satu (1) tahun
 - Tidak boleh melebihi tempoh 2 hari berturut-turut cuti awam dan cuti sakit
- 23) Bagi para Guru dan Tenaga Pengajar dalam Bahagian III dan kebawah, kebenaran untuk mengambil cuti kahwin serta bergaji penuh yang dibenarkan ialah:
- 2 Minggu
 - 3 Minggu
 - 1 Minggu
 - 4 Minggu

- 24) Mr Anangkutinang, pegawai kontrak di Kementerian Pendidikan didapati keluar negeri tanpa kebenaran dan turut sabit kesalahan dibawah Perintah Tembakau Bab 6(1). Apakah tindakan yang boleh dikenakan:
- Dimestikan menghadiri kaunseling di Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Ditahan gaji 50% dan digantong perkhidmatan
 - Dibuang kerja dengan perjanjian kontrak ditamatkan
 - Diberi amaran untuk tidak mengulangi dan dicatat rekod perkhidmatan
- 25) Syarat peruntukan perumahan kerajaan adalah mengikut kelayakan-kelayakan pegawai yang berikut. Sila pilih yang paling betul.
- Pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Tetap, Bahagian V, Sebulan ke Sebulan dan Open Vote.
 - Pegawai Perempuan Bahagian I, II, III DAN IV dan Kontrak Tempatan
 - Pegawai Perkhidmatan Tetap dan kontrak Tempatan dalam Bahagian I, II, III dan IV
 - Pegawai Lelaki dalam Bahagian I, II, III DAN IV dalam Perkhidmatan Tetap dan Kontrak Luar Negeri
- 26) Awg Anislot bin Hj Amorim, Penyelia Pejabat menerima peruntukan kemudahan rumah dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam dan mendiami selama 11 tahun. Sila nyatakan menurut Surat Pemberitauan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 14/2014, kebenaran mendiami tidak akan terbatas jika beliau didapati memiliki rumah daripada salah satu skim-skim berikut:
- Membina rumah dengan pinjaman Bank Baiduri (loan)
 - Terpilih menerima Skim Perpindahan/Perumahan Negara
 - Bantuan pinjaman kewangan kerajaan bagi membina rumah
 - Dikurniakan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati
- 27) Peraturan 9 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) adalah mengenai
- Tidak hadir bekerja tanpa mendapat kebenaran
 - Keperluan membuat surat tunjuk sebab/membela diri
 - Kes jenayah yang melibatkan penyalahgunaan dadah dan akta racun
 - Kebenaran keluar negeri hendaklah mendapat kebenaran awal Ketua Jabatan
- 28) Ciri-ciri format penyediaan persuratan rasmi diantara satu Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang bukan dibawah bidangkuasa Kementerian berkenaan adalah ;
- Bersurat (letterhead)
 - Minit dan Emel
 - Memorandum (memo) dan Bersurat (letterhead)
 - Memorandum (memo)

- 29) Penolong Pengarah Pentadbiran di JPES telah menerima permohonan cuti daripada Dyg Tiapnah binti Ahmad, Pegawai Statistik (B.3) yang mengalami keguguran sewaktu usia kandungannya lebih daripada 24 minggu. Beliau telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 12 Februari 2024. Berapa jumlah tempoh cuti beranak diberikan?
- a. 105 hari
b. 108 hari
c. 56 hari
d. 30 hari
- 30) Surat Keliling adalah merupakan surat pengumuman rasmi kerajaan yang dicetak dan diedarkan yang hanya boleh dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Apakah perkara yang terkandung didalam Surat Keliling tersebut:
- a. Perintah dan Akta yang berkaitan dengan Tatatertib sahaja
b. Perkara yang berkaitan hal ehwal pentadbiran
c. Syarat dan peraturan waktu bekerja
d. Dasar serta peraturan umum Kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan atau hal ehwal kewangan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah **dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja** dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

- 1) Amalan terbaik dalam Pengendalian Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam.
- 2) Definasi ACPA dan objektifnya.
- 3) Apakah yang difahami mengenai Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam dan nyatakan tiga (3) matlamat utamanya.
- 4) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Sistem Penilaian Prestasi.
- 5) Sila nyatakan kegiatan-kegiatan dimana pegawai perkhidmatan awam boleh diberikan cuti tanpa catat ?
- 6) Tempoh Cuti Beranak dan syarat kelayakan.
- 7) Umur minimum bagi pegawai lelaki dan perempuan dalam Perkhidmatan berpencen dibolehkan bersara awal.
- 8) Berdasarkan Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1999 bertarikh 22 Julai 1999, memerlukan bagi setiap pegawai dan kakitangan kerajaan yang dijemput ke majlis-majlis rasmi untuk menghadirinya. Sila sebutkan empat (4) sahaja majlis-majlis dimaksudkan dan satu (1) alasan munasabah jika tidak dapat hadir.
- 9) Bagi pegawai dan kakitangan yang tidak menghadiri dua (2) kali berturut-turut dalam setahun tanpa alasan munasabah. Sila nyatakan peringkat-peringkat tindakan yang boleh dikenakan?
- 10) Apakah Peraturan dan Syarat Pelanjutan Mata Gaji EB Khas?

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah **dikehendaki menjawab dua (2) sahaja** daripada tiga (3) soalan.

SOALAN 1

PERUMAHAN KERAJAAN BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

1. Berdasarkan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 14/2014, sila huraikan tafsiran kedua perkataan "Perumahan Kerajaan" dan "Keluarga Pegawai"
(2 Markah)
2. Nyatakan kelayakan kelas rumah dan potongan bulanan mengikut Bahagian (Division) jawatan dan sukanan tanggagaji pemohon seperti berikut :

BAHAGIAN	SUKATAN TANGGAGAJI
Bahagian I	Superscale A/B/C
Bahagian II	B.2 EB. 3 / B.2 / BW. 2 / B.1 / BW.1
Bahagian III	C.1-C.5
Bahagian IV	D.5-D.6
Bahagian IV	D.1-D.2

(5 Markah)

3. Permohonan pegawai dan kakitangan kerajaan untuk peruntukan perumahan kerajaan akan melalui proses penilaian dan pertimbangan berdasarkan syarat-syarat utama dan tatacara permohonan yang lazim. Sila terangkan tujuh (7) daripadanya.
(7 Markah)
4. Sila sebutkan dengan ringkas enam (6) tatacara memperuntukkan peruntukan perumahan kerajaan kepada pegawai dan kakitangan tersebut.
(3 Markah)
5. Sila nyatakan keadaan-keadaan yang menyebabkan kebenaran peruntukan perumahan terbatal dengan sendirinya.
(½ Markah)

**SOALAN 2
PENUBUHAN JAWATANKUSA AUDIT DALAMAN DAN PENUBUHAN
UNIT AUDIT DALAMAN KEMENTERIAN**

Awang Juslipudin bin Mat Jaharin bertugas sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan diarahkan untuk menjawab beberapa pertanyaan berkaitan Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 05/2022. Sila jawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai Audit Dalaman. **(5 Markah)**
2. Nyatakan ahli-ahli Jawatankuasa Audit Dalaman di Peringkat Kementerian. **(2 Markah)**
3. Apakah syarat-syarat bagi menubuhkan Unit Audit Dalaman di Kementerian. Sila sebutkan. **(6 ½ Markah)**
4. Nyatakan visi dan misi Audit Dalaman. **(4 Markah)**

**SOALAN 3
HAL EHWAL CUTI**

Sila jawab soalan-soalan berikut :

1. Sila terangkan apa yang dimaksudkan dengan Syarat-Syarat Am Cuti Beranak, Tempoh Cuti dan Tatacara Pembayaran Gaji berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 1/2011.
 - 1.1 Syarat-Syarat Am Cuti Beranak
 - 1.2 Tempoh Cuti
 - 1.3 Tatacara Pembayaran Gaji

(9 Markah)
2. Apakah yang dimaksudkan dengan Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) dan nyatakan syarat-syarat Am yang mengawal peraturan ini?

(6 Markah)
3. Sila sebutkan dua (2) definisi Penyakit Ringan.

(2 ½ Markah)